



## BAB I

### PENDAHULUAN

## PENDAHULUAN

## 1.1 Latar Belakang Macmilah.

## a. Kedudukan Surah al-Baqarah.

Surah al-Baqarah adalah surah yang paling panjang di antara 114 surah yang terdapat dalam al-Qur'an.<sup>1</sup> Surah ini diturunkan sesudah hijrah disebut 'Madaniyah', mengandungi 287 ayat, 6121 kalimat dan 25500 huruf.<sup>2</sup> Termasuk surah yang pertama turun di Madinah, kerana sebahagian besar ayat-ayatnya turun pada masa Rasulullah s.a.w. mula-mula berhijrah ke Madinah.

## b. Hikmat Dinamakan Surah al-Baqarah.

Ahli-ahli tafsir mengatakan surah ini dinamakan dengan Surah al-Baqarah kerana di dalamnya terdapat kisah tentang Baqarah (sapi betina). Hikmat penamaan ini adalah untuk menghancurkan 'acidah' menghaduskan sapi betina dan menyembuhnya selain dari Allah s.w.t. Sedangkan tujuan utama diturunkan waliyu yang berakhir dengan penurunan al-Qur'an adalah untuk menetapkan Keesaan Allah s.w.t., mengabdikan diri kepadaNya dan mensucikannya dari segala kesantu yang tidak layak dengan Keunggulan

<sup>1</sup> Hamka, Tafsir al-Azhar, juz. 1, cet. pertama, Pustaka Nasional Pte. Ltd. Singapura, 1982, hal. 109.

<sup>2</sup> Ibn Kathir, Terjewohl Sinurat Tafsir Ibn Kathir, ter. H. Salim Bahreisy dan H. Sa'id Bahreisy, jil. 1, cet. pertama, P.T. Bina Ilmu, Surabaya, 1981, hal. 30.

Allah s.w.t.

Sapi betina adalah binatang yang paling banyak dicembah oleh manusia, ini terbukti dengan sejarah Mesir Kuno, mereka suciat berlebih-lebih dalam mengkudunkan dan menyembah binatang ini. Mereka sangat cenderung untuk memilih anak lembu yang bernama "APIES" dengan syarat-syarat dan cara-cara tertentu, tradisi ini turut diikuti oleh Bani Isra'il sekalipun di tengah-tengah mereka ada beberapa orang Nabi dan beberapa kitab diturunkan kepada mereka.<sup>3</sup>

Penyembahan ini juga banyak dilakukan oleh beberapa bangsa Asia, seperti bangsa Asori, Iran, Rabilior dan India. Bahkan sampai sekarang orang-orang Hindu masih menyembah sapi.

Kepercayaan ini telah berkembang di 'Arab, dengan pengaruh 'anidah ini timbulah apa yang disebut "qāibah", "bahīrah", "washīlah" dan "hām" untuk dihubungkan dengan soal-soal peribadatan.<sup>4</sup>

Memandang kepada perkembangan dan pengaruhnya, maka dalam surah ini Allah s.w.t. memerintahkan Bani Isra'il supaya menyembelih sapi tersebut untuk menghapurkan rasa hormat mereka kepadanya.

---

<sup>3</sup> Hasan al-Bana', Mu'addimah fi at-Tafsir wa'a Tafsir al-Fatihah wa Awāil Surat al-Baqarah, Terjemahan: Mu'ammal Hamidi, cet. pertama, Pt. Bina Ilmu, Surataya, 1987, hal. 83.

<sup>4</sup> Ibid.

c. Sebab-Sebab Turun Ayat.

Menurut Mujahid, empat ayat dari awal Surat al-Baqarah turun mengenai orang-orang beriman, dua ayat berikutnya mengenai orang-orang kafir dan tigabelas ayat selepasnya mengenai orang munafiq.<sup>5</sup>

Ad-Dahak mengatakan ayat (إِنَّ الَّذِينَ حَسْفَرُوا) turun mengenai Abu Jahl dari ahli keluarganya.<sup>6</sup>

وَإِذَا نَهَا النَّبِيُّ الَّذِينَ هَمُوا قَلُوْزَهُمْ أَمْمًا وَإِدَاعَاهُمْ إِلَى شَبَابِهِمْ  
قَالُوا إِنَّمَا تَعْذِيزُنَا تَعْنِي مُتَهَبِّرٍ وَلَئِنْ يَأْتِ اللَّهُ بِمُتَهَبِّرٍ  
بِهِمْ وَبِمَدْهُمْ فِي طُغْيَتِهِمْ بِعَهْدِهِنَّ (٢٩) أَوْلَئِكَ الَّذِينَ

Ibn Jarir meriwayatkan dari Ibn Ishaq dari Muhammad bin Abi lkrisah dari Said bin Zubair dari Ibn Atbas ; Kedua ayat ini turun buat orang Yahudi Madinah. Sedangkan menurut ar-Rabi' bin Anas, kedua ayat tadi turun ketika perang Ahzab terjadi.<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Abi al-Husain Ali bin Ahmad al-Wahidi al-Naisaburi, Asbabun Nuzul, cet. kedua, Syarikat Makkah wa Matba'at Mustaqim al-Babi al-Halabi wa Auladuh, 1967, hal. 13.

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Jalaluddin Abdurrahman as-Sayuti, Asbabun Nuzul, (Sebab-Sebab Turun Ayat-Ayat al-Qur'an), Terjemahan : Rohadi Abu Bakar, cet. pertama, Thinkers Library, Selangor, 1988, hal. 6.

أَوْ لَهُبَّ مِنْ أَنْجَانِكَلَّا يَرَى هُنَّ وَيَقْدِمُونَ  
 اصْبَعُهُمْ فِي مَحَاجِمِهِمْ مِنَ الظُّرُوفِ حَذِيرَ الْمَوْتِ وَاللهُ  
 يُحِيطُ بِالْكُفَّارِ ۝ ۝ ۝ كَادَ الْبَرْقُ يَعْطُلُ أَنْصَارَهُمْ

Ibn Jarir menceritakan dari Malik dan Abu Salih dari Ibn 'Abbas dan dari Marruh dari Ibn Mas'ud, beberapa orang sahabat berkata :

"Orang munafiq Madinah lari dan minta perlindungan kepada orang muayrik. Di tengah jalan mereka tertimpa hujan yang penuh guruh dan kilat. Bila mereka melihat kilat, segera mereka menutup telinga dengan jari, takut gendang telinga pecah atau mati kerananya. Namun dengan kilat itu pula mereka dapat berjalan dalam kegelapan malam. Dalam hati mereka berbisik, kiranya pagi tiba, mereka akan berjabat tangan dengan Nabi s.a.w. dan akan masuk Islam. Dan di pagi harinya mereka mengadap Nabi s.a.w. seraya menyatakan diri mereka masuk Islam. Demikianlah Allah s.w.t. membuat perupamaan gambaran kelakuan munafiq Madinah. Bila mereka mendapat seruan Islam sengaja mereka menutup telinga, takut mendengar ajakan Nabi s.a.w atau takut kalau-kalau ada perintah dari Allah s.w.t. untuk membunuh mereka. 8

Kelakuan munafiq, bila telah banyak harta, anak-anak (pendukung), harta rampasan atau telah menang dalam peperangan, mereka segera menemui Nabi s.a.w. dan mengatakan Agama Muhammad benar, seperti kilat di kegelapan malam yang membuat orang tidak bisa berdiri dan berjalan. Tapi bila si munafiq jatuh, anak-anak (pendukung) lari serta musibah menimpa mereka,

<sup>8</sup> Ibid. hal. 7-8.

<sup>9</sup> Ibid. hal. 8

pasti mereka akan mengatakan ini semua akibat Agama Muhammad. Kemudian mereka pun kembali murtad menjadi kafir, sebagaimana kelakuan mereka ketika diselubungi kegelapan malam.<sup>9</sup>

#### d. Hubungan Surah al-Baqarah dengan Surah Sebelum dan Selepasnya.

Setengah 'ulama' berpendapat, Surah al-Fatiyah menyandungi iqrar Ketuhanan (ar-Rububiah), 'aqidah terhadap hari akhirat, memohon perlindungan supaya ditetapkan dalam Agama Islam dan dijauhkan dari sifat-sifat yang membawa kemurkaan Allah s.w.t. dan kesesatan seperti pengikut Agama Yahudi dan Nasrani.

Manakala Surah al-Baqarah mengemukakan dalil ke atas hukum, dan ali-'Imran sebagai jawapan tentang kesamaran-kesamaran pertelingkahan, oleh itu banyak disebut di dalamnya kesamaran yang diperungkap oleh orang-orang Nasrani.<sup>10</sup>

Setengah dari mereka pula berpendapat, dimulai Surah al-Baqarah dengan firmanNya : أَمْ دَلَكُ الْكَتَابُ لَا رَبَّ فِيهِ sebagai isyarat kepada jalan yang lurus dalam firmanNya dalam Surah al-Fatiyah :

(عَدَنَ السَّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ)

Ketika mereka memohon kepada Allah

<sup>10</sup> Al-Hafiz Jalaluddin as-Sayuti, Tanasyuq ad-Dururi fi Tanasub as-Suari, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut, 1986, hal. 63.

s.w.t. petunjuk hidayah ke jalan yang lurus.

Menurut al-Khubi permulaan surah ini ada kaitannya dengan bahaya-jauh akhir Surah al-Fatihah, kerana Allah s.w.t. ketika menyebut bahawa orang-orang yang memujiNya memohon petunjuk, firmanNya: "Sesungguhnya Aku telah beri kepadamu apa yang kamu minta, inilah Kitab petunjuk bagi kamu maka ikutilah ia, dan sesungguhnya Aku telah beri petunjuk ke-jalan yang lurus (الصراط المستقيم) yang diminta."

Kemudian Allah s.w.t menyebut dalam permulaan surah ini tiga longan mereka yang telah disebut dalam Surah al-Fatihah: Mereka yang mendapat petunjuk dari Allah s.w.t., iaitu mereka yang diberi ni'mat oleh Allah s.w.t., dan mereka yang membeli kesesatan dengan petunjuk, iaitu orang-orang yang sesat (orang-orang Nasrani) dan yang mendapat keburkaan Allah s.w.t. (orang-orang Yahudi).<sup>11</sup>

#### e. Keutamaan Surah al-Baqarah.

Surah al-Baqarah mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang tertentu berdasarkan beberapa hadith yang diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat Nabi s.a.w., di antaranya ialah yang diriwayatkan oleh

<sup>11</sup> Ibid., hal. 65.

Abu Hurairah r.n. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berkabda :

لَا تَخْتَلُوا تُسْوِيْكُمْ مَعَابِرَ إِنَّ السَّنَّيْطَانَ يَعْرُّمُ مِنَ الْبَيْنِ  
الَّذِي نَفَرَ أَيْنَدِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ ( درواه منم وال safi الترمذى )

Ertinya : "Jangan kamu jadikan rumahmu sebagai kubur, sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang di dalamnya dibacakan Surah al-Baqarah." <sup>12</sup>

لِكُلِّ شَيْءٍ سَيَافُ وَأَنَّ سِيَافَ الْقُرْآنِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ وَفِيهَا  
آيَةٌ هِيَ سَيَافَهُ آيَ الْقُرْآنِ ( درواه الترمذى )

Ertinya : "Tiap-tiap sesuatu mempunyai punuk, dan punuk al-Qur'an ialah Surah al-Baqarah, di dalamnya terdapat satu ayat dan ayat adalah ayat yang sangat mulia di antara ayat-ayat al-Qur'an." <sup>13</sup>

Abu Hurairah r.a. juga meriwayatkan :

"Ketika pernah Rasulullah s.a.w. mengutus beberapa orang, ketujuh masing-masing membaca al-Qur'an, lantas Rasulullah s.a.w. datang ke tempat orang yang umurnya paling tua, lalu menanya : Surah apa yang engkau hafal hai fulan?.. ia menjawab : Surah ini dan ini Surah al-Baqarah. "asulullah s.a.w. kemudian bertanya lagi : Betulkah kamu hafal Surah al-Baqarah?.. ia menjawab : Betul. Maka sabda Rasulullah s.a.w. selanjutnya : Pergilah dan kamu sebagai kepala rombongan. Kemudian ada lelaki yang dari golongan terhormat mengatakan : Demi Allah tidak ada satu pun yang menghalangiku untuk mempelajari Surah al-Baqarah, melainkan saya takut untuk dijadikan sebagai kepala

<sup>12</sup> An-Nawawi, Sahih Muslim bi Syarh an-Nawawi, jil. 6, al-Mata'ah ul-Misriyyah wa Maktabatiha, t.t. 68.

<sup>13</sup> At-Tirmizi, Sunan at-Tirmizi, juz. 4, Muassasah as-Saudiah, Kukeran, 1961. hal. 232.

(amir). Maka Rasulullah s.a.w. bersabda :

تَعْلَمُوا الْقُرْآنَ وَافْتَرِأُوهُ وَإِنْ مَثَلَ الْقُرْآنَ لِيَنْ تَعْلَمَهُ  
فَمَرَأَهُ كَمَثَلِ حَرَابٍ مَخْسُوْبٍ مِنْ كَانَ يَقْوُحُ زَيْنَهُ بِيْنَ كُلِّ مَكَانٍ  
وَمَنْ تَعْلَمَهُ قَبْرَقَدُهُ هُوَ يَحْوِي فَسَلَهُ كَمَثَلِ حَرَابٍ أَوْ كَفَرَ  
عَلِيِّ مِشْكٍ **«رَوَاهُ التَّرمِذِيُّ»**

Ertinya : "Pelajari al-Qur'an dan bacalah ia, kerana perbandingan orang yang mempelajari al-Qur'an kemudian membacanya laksana karung penuh dengan kayu kasturi, baunya semerbak semenuhi semua ruangan, dan barangsiapa membacanya kemudian ia tidur sedang al-Qur'an itu berada di dalamnya (dibaca ketika tidur) maka perbandingannya laksana karung yang disandarkan pada kayu kasturi."

Dan Abi Umamah al-Bahili pernah mengatakan : "bahawa saya pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda :

إِنَّ رُؤْسَةَ النَّمَرَةِ فِيْ إِنَّ أَحَدَهَا رَكَّهَهُ وَرَجَّهَا حَشَرَهُ  
وَلَا تَسْتَطِعُهَا النَّطْلَةُ" **«دواء منم»**

Ertinya : "Bacalah Surah al-Baqarah, kerana barangsiapa mengambilnya akan mendapat berkat, dan barangsiapa yang meninggalkannya akan jatuh, dan musuh yang kuitpun tidak akan dapat mengalahkan."

An-Nawwas bin Sam'an r.a. mengatakan : "Saya telah mendengar Nabi s.a.w. bersabda :

يُرْتَقِي بِالْقُرْآنِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَأَهْلِيهِ الَّذِينَ كَانُوا يَعْلَمُونَ

بِهِ تَقْدِيمُهُ سُورَةُ الْبَقَرَةِ وَآلِ عَمَّارَانَ

Ertinya : "Kelak di hari kiamat aku dihadapkan al-Qur'an dan ahlinya, ia itu orang-orang yang menamakarnya, didahului (dipimpin ) oleh Surah al-Baqarah dan ali-lmaran." 14

<sup>14</sup> Ibid. hal. 32.

Abu Umamah r.a. mengatakan : "Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda : (yang permaknud) ;

"Bacalah al-Qur'an sebab ia akan dapat memberi faedah (memberi manfaat) kepada yang membacanya pada hari kiamat. Bacalah kedua surah yang banyak bintang yang terang, iaitu Surah al-Baqarah dan ali-'Imran, sebab kedua-duanya akan datang di hari kiamat bagaikan awan atau naungan atau rombongan burung yang berbaris, untuk membela pada ahlinya (orang yang mengamalkannya selalu membacanya) di hari kiamat. Bacalah Surah al-Baqarah, sebab mempelajarinya bererti berkat dan meninggalkan bererti rugi dan menyesal, dan tidak dapat melakukannya dan mempelajarinya orang yang curang tidak jujur (ahli sihir)."

Ibn al-'Arabi pernah berkata: "Saya pernah mendengar sebahagian guru-guru saya berkata tentang Surah al-Baqarah, di dalamnya terdapat seribu perintah, seribu larangan, seribu hukum dan seribu berita." <sup>15</sup>

Khalid bin Ma'dan berkata : "Surah al-Baqarah itu adalah Fustiathnya al-Qur'an, kerana kegunaan, kebesaran, banyak hukum dan nasihat-nasihat yang terdapat dalam surah tersebut."

'Abdullah bin Mas'ud r.a. berkata : "Siapa yang membaca sepuluh ayat dari Surah al-Baqarah di waktu malam maka rumahnya tidak dimasuki syaitan malam itu, iaitu empat ayat dari mulanya dan ayat kursi serta dua ayat berikutnya dan tiga ayat terakhir." <sup>16</sup>

Di lain riwayat : "Pada hari itu tidak akan didekati syaitan atau sesuatu yang tidak disukainya, bankan jika dibacakan pada orang gila mungkin akan sembui (gila iaitu termasukan syaitan)." <sup>17</sup>

<sup>15</sup> Hasan al-Bana', op.cit. hal. 81.

<sup>16</sup> Ibn Kathir, op.cit. hal. 32.

<sup>17</sup> ibid.

### c. Kandungan Surah al-Baqarah.

Surah ini mengandungi perincian-perincianan berikut :

1. Menerangkan daur-daur 'aqidah, menyebut tanda-tanda keciran Allah s.w.t. dan permulaan kejadian manusia.
2. Menerangkan golongan manusia ketika berhadapan dengan petunjuk al-Qur'an, dan menyebut bahawa mereka terbahagi kepada tiga golongan, orang-orang mu'min, kafir dan munafiq.
3. Surah ini mendedahkan sejarah orang-orang Yahudi dengan paling lebar, membincangkan tentang 'aqidah mereka, menyebut ni'mat-ni'mat Allah s.w.t. ke atas orang-orang yang terdahulu daripada mereka dan apa yang melempa mereka ketika mereka berpaling dari menerima dakwah yang benar dari Nabi-Nabi yang terdahulu dan mereka melakukan berbagai-bagai keingkaran dan keduntuan di Madinah.
4. Bahagian akhir Surah al-Baqarah ini mengandungi perundangan Islam yang membezakan orang-orang Islam dengan lain-lainnya dalam 'ibadat, mu'amalat dan adat kebiasaan.

<sup>18</sup> Dr. 'Abdullah Mahnud Suhānu, Aḥyā'l-Kul 'Surah wa Maqāsiduhu fi al-Qur'ān al-Karīm, juz. 1, al-Hilālah al-Qiṣriyah al-'Ammaah li'l-Kitab, t.t., hal. 13-14.

Surah ini mengandungi beberapa ajaran yang utama iaitu zanjeru kepada mentauhidkan Allah s.w.t. semata-mata, murtabat, tanqih, pengarai hukum-hukum qisas, wasiat, narkah pada tahta Allah s.w.t... Benar-benar setengah-setengah ibadat seperti puasa, haji, hukum minum arak, hukum berkahwin dengan wanita-wanita buayrik, 'iddah, 'ila' dan talak, penyusuan dan kifarat sumpah. Di dalamnya juga terdapat hukum riba, hukum-hukum perundangan dan mu'amalah.

Di samping itu terdapat kitab-kitab, janji-janji baik dan ancaman serta petunjuk pengarai sunnah-sunnah Allah s.w.t. dalam alasan ini dan kaum-kaum terdahulu.

Surat ini ditutup dengan zanjeran 'aqidah orang-orang mu'min sebenar, ketakutan mereka terhadap perintah-perintah Allah s.w.t. dan larangan-larangan-Nya, serta ketuntukan mereka kepadaNya dengan do'a yang tulus supaya diampuni dosa-dosa mereka.

## 1.2 Peneritian Tajuk / Rumusan Makalah.

Tajuk yang dibahalkan oleh penulis ini ialah 'Sikap Manusia Dalam Menghadapi al-Qur'an Sebagaimana Yang Dicantarkan Dalam Surah al-Baqarah (Ayat : 1-20)' .

Untuk membuat peneritian tajuk ini, penulis mengemukakan definisi definisi seperti berikut:

Sikap: Perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat ( fikiran dan lain-lain ).<sup>19</sup>

Manusia: Makhluk yang mempunyai aqal budi, insan atau orang adupun jenis yang tinggi sekali di antara manusia.<sup>20</sup>

Menghadapi: Berada bertentangan ( berhadapan ).<sup>21</sup>

al-Qur'an: Firman Tuhan yang bersifat ( berfungsi ) Mu'jizat ( sebagai bukti kebenaran atas kenabian Muhammad ) yang diturunkan kepada Nabi Muhammad, iaitu tertulis di dalam mushaf-mushaf, yang dinukilkan ( diriwayatkan ) dengan jalan mutawatir dan dipandang beribadat

---

<sup>19</sup> Dr. Teuku Iskandar, Kamus Dewan, Edisi Baru, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1989, hal. 1202.

<sup>20</sup> Ibid. hal. 801.

<sup>21</sup> Ibid., hal. 391.

membacanya.<sup>22</sup>

Digembarikan: Dikemukakan atau dibayangkan sesuatu keadaan.<sup>23</sup>

Surah: Sekumpulan ayat-ayat al-Qur'an yang mempunyai awal dan akhirnya.

Dari definisi-definisi yang diberikan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa tajuk pengkajian ini ialah mengenai pandangan manusia semasa berhadapan dengan yang al-Qur'an yang diaampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. seperti yang dibayangkan dalam Surah al-Baqarah. Beberapa aspek persoalan yang akan dikemukakan dalam kajian ini ialah:

1. Apakah fungsi al-Qur'an dan sejauh manakah keperluan manusia terhadapnya.
2. Bagaimanakah sikap manusia yang menerima al-Qur'an sebagai petunjuknya.
3. Apakah sebab-sebab penolakan manusia terhadap al-Qur'an dan berapa golongankah mereka ini.

---

<sup>22</sup> Masjuk Zuhdi, Pengantar 'Ulumul al-Qur'an, bung. pertama, cet. pertama, Pt. Bina Ilmu, Surabaya, 1980, hal. 1-2.

<sup>23</sup> Dr. Teuku Iskandar, op.cit., hal 336.

### 1.3 Tujuan Penulisan

Secungguhnya setiap perkara yang dilakukan sudah pastinya mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu. Begitu juga dengan penulisan ini. Di antara tujuan penulis analisis tajuk ini adalah seperti berikut:

1. Untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Usuluddin. Sudah menjadi ketetapan Fakulti ini mewajibkan kepada pelajar-pelajar tahun akhir untuk membuat satu kajian atau penulisan mengikut tajuk yang sesuai dalam bidang yang dipelajarinya.
2. Dalam pengkajian ini penulis berminal untuk memilih Kajian Keputakaan. Ini adalah memandangkan kecenderungan penulis dalam aspek berikut di samping penulis dapat berdampingan dengan buku-buku bagi menambahkan ilmu pengetahuan. Ini dapat melatih penulis ke arah minat membaca dan mendalami ilmu pengetahuan yang berguna.
3. Penulis memilih bahagian awal Surah al-Baqarah untuk kajian yang berkaitan dengan sikap manusia dalam menghadapi al-Qur'an yang disampaikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengetahui bagaimana sikap mereka dalam menerima seruan ini.
4. Untuk mengonali ciri-ciri orang yang beriman dan mengenali sikap orang-orang kafir dan munafiq yang menolaknya, serta dapat mengetahui sebab-sebab penolakan ini.

5. Semoga penulisan ini dapat memberi manfaat untuk diri penulis dan menjadi bahan bacaan generasi yang akan datang.

#### 1.4 Metodologi

Dalam penulisan kertas projek ini penulis telah menggunakan metode-metode:

##### 1. Metode Pengumpulan Data.

a. Metode Historis.

b. Metode Dokumentasi, iaitu cara pengumpulan dengan menggunakan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dileidiki.

##### 2. Metode Analisa Data.

Dalam menganalisa data, penulis menggunakan metode-metode berikut:

a. Metode Induktif, iaitu cara membuat kesimpulan dari beberapa data yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.

b. Metode Deduktif, iaitu cara membuat kesimpulan yang berbentuk umum berdasarkan kesimpulan-kesimpulan yang bersifat khusus.

c. Metode Komparatif, iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi.

Huraian tentang metodologi, prosedur dan cara penggunaannya akan dibincangkan dengan terperinci dalam bab III, metodologi.

### 1.5 Susunan Penulisan.

Dalam bab I, sebagai pendahuluan penulis telah memperkenalkan latar belakang masalah iaitu mengenai Surah al-Baqarah dalam beberapa aspek mengenainya, diikuti dengan penjelasan terhadap pengertian tajuk. Daripada pengertian-pengertian tersebut penulis merumuskan beberapa masalah yang akan dibahaskan dalam kertas projek ini. Penulis juga membentangkan tujuan penulisan, metodologi secara umum dan susunan penulisan dalam bab-bab yang akan dibentangkan.

Dalam bab II, penulis membuat tinjauan secara teorikal terhadap tajuk yang akan dibahaskan. Penulis membincangkan tentang manusia dan al-Qur'an dari segi definisi-definisi, fungsi al-Qur'an, Fitrah manusia dan keperluannya kepada al-Qur'an, kewajipan orang beriman terhadap al-Qur'an, janji dan ancaman dan peranan al-Qur'an dalam kebahagiaan manusia sejagat.

Penulis akan membentangkan metodologi dalam bab III mengenai cara mengumpulkan data dan fakta.

Bab IV pula merupakan kesucikan kepada bab-bab yang lain. Dalam bab ini penulis telah mengumpul dan menghuraikan data-data, iaitu men-

tafnirkan ayat-ayat al-Qur'an dari Surah al-Baqarah dengan berpandukan kepada kitab-kitab tafsir, al-Qur'an dan terjemahnya, Sunnah Nabi s.a.w. dan buku-buku rujukan. Ayat-ayat ini menceritakan tentang sikap orang-orang mu'min, kafir dan munafiq dalam menerima seruan al-Qur'an.

Dalam bab V pula penulis membuat beberapa kesimpulan dan saranan berdasarkan tafsiran yang dibuat dalam bab IV. Kesimpulan dibuat untuk memudahkan pembaca menanggapi permasalahan yang dibincangkan dalam bab sebelumnya. Saranan dibuat sebagai langkah menyeleraikan dan memperbaiki keadaan yang berlaku.